



LANGSIR BERLIPAT V

1. Ilham mencari ukuran tepat untuk pembelian kain.
2. Ilham mengukur, menggunting dan menjahit kain.
3. Memasang dan menggantung Langsir.

LANGSIR PATEN BERLIPAT V

Pengenalan

Di antara yang biasa peminat langsir bertanya dan berminat untuk menjahitnya ialah jenis berlipat V. Ia nampak simple, eksklusif dan mudah untuk di jahit. Jika anda tahu menjahit dan membuat kiraan ukuran untuk membuat penutup/pelindung langsir anda pasti tahu untuk membuat paten ini. Semuanya sama dengan cara membuat langsir penutup/pelindung Cuma ada sedikit tambahan di bahagian pita langsir. Langsir ini juga boleh digunakan sebagai penyeri sahaja atau boleh juga di buat bersekali sebagai penutup/pelindung langsir. Trek biasa dan batang/berkayu boleh digunakan untuk memasang langsir ini.

Di bawah ini kami sertakan gambar contoh paten berlipat V.



Gambar 1 – Contoh Paten Langsir Berlipat V

PEMBELIAN KAIN

Anda boleh merujuk kepada bahagian pembelian kain untuk langsir penutup/pelindung.

UKURAN

Ukuran untuk membuat paten berlipat V adalah sama seperti membuat langsir penutup/pelindung. Oleh itu anda boleh merujuk kepada bahagian ukuran untuk membuat langsir penutup/pelindung.

MENJAHIT PATEN LANGSIR BERLIPAT V

- 1) Ikuti semua langkah menjahit langsir penutup/pelindung hingga selesai(hingga rajah 25).**


- 2) MENJAHIT/MEMBUAT BAHAGIAN BERLIPAT V.**
 - a) Anda boleh menggunakan pita penyangkuk langsir sebagai panduan untuk anda membuat langsir berlipat V. Untuk membuat langsir berlipat V kebiasaannya jarak lubang pita yang paling sesuai dan cantik ialah dengan mengosongkan satu atau dua lubang sahaja. Tentukan mana satu pilihan anda.**

Setiap lakaran cara menjahit Langsir Berlipat V **ILHAM NISHA** mengikut ilham demi ilham. Sebagai contoh, no. 1 haruslah dilakukan dahulu sebelum anda melakukan langkah no. 2.

Contohnya: Kami ingin mengosongkan 2 lubang pita. Ikuti rajah di bawah ini.

2. Bahagikan sama tengah di antara 2 garisan(warna biru) dan tandakan dengan peniti. Lakukan di sepanjang pita tersebut mengikut rajah di bawah ini.

1. Tandakan dengan peniti 1/2cm dari lubang di bahagian atas kain/pita. Lakukan di sepanjang pita tersebut mengikut rajah di bawah ini. Peniti(garis ungu) di keluarkan sedikit ke atas bagi memudahkan membuat penandaan.




3. Dua lubang yang di kosongkan.

Rajah 1

- *Lakukan perkara yang sama dari hujung hingga ke hujung satu lagi. Mungkin di bahagian hujung yang terakhir anda membuat penandaan ada sedikit perbezaan samada bentuk V terpaksa di kecilkan dari ukuran sebelumnya atau lebih kainnya tidak sama dengan hujung satu lagi. Tidak mengapa, perbezaannya tidak akan kelihatan/ketara jika anda meneruskan mengikuti ilham kami ini.*
- b) Temukan tiga peniti(no. 1, 2, 3), di mana peniti tengah(warna biru) di letakkan di tengah-tengah antara peniti warna ungu. Ia akan terlipat menjadi dua lipatan. Penitikan dan dijahit.

Setelah membuat lipatan lakukan seperti di dalam rajah di bawah ini serta rujuk gambar di bawah untuk memudahkan anda memahaminya.



Rajah 2



Gambar 2

- c) Lakukan perkara yang sama sehingga selesai.
- d) Anda boleh menambah butang atau bunga tiruan kecil di bahagian jahitan bucu lipatan tersebut untuk menyerikan lagi langsir bebotol anda.

3. MEMASANG PENYANGKUK LANGSIR.

Penyangkuk langsir yang terbaik untuk digunakan ialah penyangkuk berjari empat. Walaubagaimanapun penyangkuk berjari satu juga boleh di gunakan. Jika anda menggunakan trek biasa, penyangkuk bahagian tengah adalah paling sesuai digunakan manakala jika anda menggunakan trek jenis batang/berkayu penyangkuk atas paling cantik digunakan. Lihat gambar 2 (membuat penutup/pelindung langsir) untuk mengetahui jenis penyangkuk serta lihat gambar di bawah ini untuk memudahkan anda memahaminya.

7. Penyangkuk berjari empat yang mana dua jarinya telah dimasukkan kedalam lubang pita tersebut.



Gambar 3

4. MENGANTUNG LANGSIR BERLIPAT V

Di bawah ini adalah antara contoh langsir berlipat V apabila telah di gantung ke treknya. Anda boleh menggunakan trek kayu ataupun trek biasa untuk menggantungkan langsir paten berlipat V.



Gambar 4



Gambar 5



Gambar 6



Gambar 7